

## BAB : 5

### PENGASAS DAN PENGERAK *NATIONAL LAND FINANCE CO-OPERATIVE SOCIETY Ltd. ATAU NLFCS*

Satu sumbangan terbesar Tun Sambanthan, (sebagai Presiden MIC) ialah penubuhan satu koperasi yang dikenali dengan nama *National Land Finance Co-operative Society Ltd.(NLFCS)* untuk melaksanakan projek-projek sosio-ekonomi bagi kemajuan orang India. Tujuan penubuhan NLFCS adalah untuk meningkatkan taraf sosio-ekonomi orang India, yang majoritinya tinggal di estet.<sup>1</sup> Perbincangan seterusnya akan memperlihatkan pencapaian koperasi dalam matlamat penubuhannya.

#### **Penubuhan NLFCS**

Koperasi Kebangsaan Pemodal Tanah Bhd. atau NLFCS ditubuhkan pada 14hb Mei 1960, di Kolej Koperasi, Petaling Jaya.<sup>1</sup> Ia didaftarkan di bawah pengurusan pembangunan koperasi pada 4hb Jun 1960.<sup>2</sup> Matlamat utamanya ialah untuk membeli ladang-ladang yang difragmentasikan secara ansuran daripada hasil jualan saham koperasi berharga \$100 seunit. Wang \$4100 boleh dibayar sekaligus atau pun secara ansuran sebanyak \$10 bagi setiap bulan. Bagi buruh ladang, wang saham ini diambil

<sup>1</sup> NLFCS, *Kooturavu*, Kuala Lumpur, Mei 1979,hlm.5.

<sup>2</sup> NLFCS, *Laporan dan Penyata Tahunan (31.12.1960)*, Mesyuarat Tahunan Pertama, 1961, keluaran NLFCS, hlm. 13.

melalui potongan gaji.<sup>3</sup> Dengan tertubuhnya NLFCS, Tun Sambanthan berhasrat untuk menjual satu juta saham dalam masa 6 bulan.<sup>4</sup> Dalam usaha memantapkan pelaksanaan idea koperasi Tun Sambanthan juga telah ke Switzerland untuk mempelajari gerakan koperasi bandar.<sup>5</sup> Inisiatif ini menambahkan lagi keyakinannya untuk mentadbir NLFCS dengan lebih teratur.

Fragmentasi<sup>6</sup> adalah satu proses pembahagian dan penjualan ladang dalam unit-unit kecil secara berasingan. Walaupun pembahagian ladang kepada unit-unit kecil bermula sejak tahun 1933 lagi tetapi ia mula berleluasa selepas tahun 1956.<sup>7</sup> Kebiasaannya, ladang yang lebih 100 ekar dibahagi-bahagikan bagi tujuan penjualan.<sup>8</sup> Masalah fragmentasi bermula di Province Wellesley dan Pulau Pinang buat kali pertama pada tahun 1954. Sebanyak 26,021.9 ekar difragmentasikan.

Kebiasaannya, satu keturunan orang India akan menduduki sesebuah ladang kerana ejen buruh mengambil buruh dari satu kampung di Tamil Naadu, yang selalunya terdiri daripada satu keturunan. Oleh itu, pola kernasyarakatan orang India di estet adalah berasaskan keturunan. Misalnya, ramai orang Telugu telah menetap di Perak. Sebagai kaum pendatang, mereka tidak rela untuk berpisah dengan kaum keluarga atau sanak-saudara disebabkan oleh tindakan membahagi-bahagikan estet. (Mereka hanya diberi dua pilihan, sama ada akur dengan pentabiran baru atau pulang ke India.) Dalam satu temuramah dengan Toh Puan Uma Sambanthan, beliau berkata 95% masyarakat estet

<sup>3</sup> Sistem ini dipanggil sebagai "cheque roll". Atas arahan Commission of Labour, kesatuan pemilik ladang Malaya telah meminta pengurus ladang untuk memotong gaji buruh dan menghantarnya ke pejabat NLFCS melalui draf pos. *Ibid.*, hlm. 14.

<sup>4</sup> *Tamil Nesan*, 19.5.1960.

<sup>5</sup> *Malay Mail*, 1 September 1965.

<sup>6</sup> Charles Gamba, *The National Union of Plantation Workers (The History of the Plantation Workers of Malaya 1946-1958)*, Donald Moore for Eastern Universities Press Ltd., Singapore, 1952, hlm. 231 ("... the breaking up of estate areas into smaller separate units").

<sup>7</sup> *Ibid.*

tidak sanggup bekerja di bawah pentadbiran baru dan telah mengambil keputusan untuk meninggalkan Persekutuan Tanah Melayu. Keadaan ini jelas menunjukkan masyarakat India di estet belum memahami proses politik yang sedang berlaku dalam negara dan boleh dikatakan mereka mula resah sekiranya menerima ketuanan baru, mereka terpaksa menetap di Persekutuan Tanah Melayu. Pada masa inilah, Tun Sambanthan telah mempergiatkan lawatan ke estet supaya dapat memujuk mereka untuk terus menetap di Persekutuan Tanah Melayu dan menyedarkan hak politik mereka selepas kemerdekaan nanti.

Keadaan semakin meruncing menjelang akhir tahun 1960-an. Tun Sambanthan sebagai pemimpin masyarakat India sangat risau dengan keadaan yang menimpa masyarakat estet. Beliau bertekad untuk menyelesaikan masalah mereka. Pada ketika itu (1958-59), Tun Sambanthan merupakan Menteri Kesihatan. Beliau tidak dapat berbincang tentang masalah fragmentasi dan kesannya terhadap buruh ladang di kabinet. Pertama, ia bukan bidang-kuasanya. Beliau sepatutnya membincangkan masalah ini dengan Menteri Buruh atau pun dengan Tengku Abdul Rahman, selaku Perdana Menteri Tanah Melayu. Tetapi suasana politik Persekutuan Tanah Melayu di sekitar tahun 1957-1959 tidak membantu Tun Sambanthan untuk mengatasi masalah ini. Persekutuan Tanah Melayu baharu dimerdekakan. Walaupun kabinet pertama yang dibentuk terdiri daripada orang tempatan tetapi mereka masih bergantung kepada British untuk mempelajari tentang cara-cara pentadbiran. Pegawai-pegawai British masih memenuhi pelbagai jawatan tinggi dalam kerajaan. Maka, tidak mudah bagi Tun Sambanthan untuk memberhentikan fragmentasi kerana yang melakukannya adalah pihak British.

---

<sup>8</sup> Kementerian Buruh , Fail 50/11/30 : *Fragmentation of Estates*, Kuala Lumpur, 1950.

( Tambahan pula, tidak ada undang-undang khas untuk memberhentikan fragmentasi. Ini membantutkan bukan sahaja usaha Tun Sambanthan malah Tengku Abdul Rahman sendiri tidak dapat bertindak mengikut undang-undang.<sup>9</sup> Penguatkuasaan undang-undang tidak dapat dibuat dengan segera kerana kerajaan pada ketika itu ingin mengkaji keseriusan<sup>10</sup> masalah ini. Tetapi Tengku memberi jaminan untuk mempersetujui apa jua langkah yang diambil serta-merta oleh Tun Sambanthan untuk mengatasi masalah ini dengan segera.<sup>11</sup>

Kerajaan memang tidak ada kuasa undang-undang untuk menghalang fragmentasi. Malahan kerajaan mengawasi urusan jual-beli ladang supaya alam sekitar terpelihara. Berikut adalah kenyataan Dato' Bahaman Samsudin, Menteri Pertanian apabila disoal oleh P.P. Narayanan (*Peoples' Progressive Party*) tentang fragmentasi di Dewan Rakyat, pada bulan Jun, 1959.

*"Government's policy with regard to the fragmentation of the estates is to keep the sales of the estates under constant review so that action can be prepared if sales and subdivisions appear to damage the nature interest. Government has at present no legal powers to prevent free transfer of land and has therefore taken no step to prevent fragmentation."*<sup>12</sup>

Pada waktu yang sama, beliau telah memberitahu dewan bahawa kerajaan berhasrat membentuk koperasi untuk membeli sebuah estet di utara, Persekutuan Tanah Melayu.<sup>13</sup>

<sup>9</sup> Keterangan oleh Toh Puan Uma Sambanthan pada 17 Disember 1999.

<sup>10</sup> Straits Times, 20 November 1959. "In 1957, Government did not recommend any legislation because sub-division was only a localised matter, occurring mainly in Province Wellesly and estates are involved was about 2.5% of the total estate area in the Federation".

<sup>11</sup> Keterangan oleh Toh Puan Uma Sambanthan pada 17 Disember 1999.

<sup>12</sup> Federation of Malaya, 1959, *Legislative Council Debates, Official Report of the Second Legislative Council, (fourth session). December 1958 to June 1959*, Government Printer, Kuala Lumpur, Column. 5326.

<sup>13</sup> Ibid.

Sememangnya, suasana politik ketika itu melihat Tun Sambanthan sebagai saluran yang terbaik bagi mengatasi masalah ini. Sebagai Presiden M.I.C., beliau merasa dirinya mempunyai obligasi terhadap masyarakat yang diwakili. Boleh dikatakan kesungguhan dan keprihatinan yang ditunjukkan oleh Tun Sambanthan tidak mendapat kerjasama daripada pemimpin lain seperti P.P. Narayanan, seorang aktivis dan Setiausaha Gabungan Kesatuan Pekerja-pekerja ladang (NUPW).

P.P. Narayanan merupakan orang yang secara langsung bertanggungjawab terhadap kebijakan buruh ladang. Beliau sendiri mengakui bahawa masalah ini bukan serumit yang digembar-gemburkan oleh pihak-pihak tertentu.

*"We do not see any danger signal. It is difficult to get up-to-date figures but whatever information we have shows that position is not serious ... the estates involved were marginal ones ... we do not consider their disappearance a danger signal ."<sup>14</sup>*

Tun Sambanthan bertindak bersendirian dalam mengatasi masalah Fragmentasi. Beliau juga tidak peduli sekiranya tidak ada kerjasama daripada pihak-pihak lain. Apa yang penting bagi beliau adalah obligasi terhadap masyarakat yang diwakilinya. Walau apapun kerumitan yang dihadapi, beliau tidak mahu 'lepas tangan' dalam menanggani masalah ini, kerana adanya sifat "*self-belonging*" dalam dirinya yang berasal daripada estet.

Walaupun usaha berani Tun Sambanthan mendapat sambutan yang agak perlahan di peringkat permulaan tetapi penubuhan NLFCS telah dapat menanam tabiat menabung di kalangan buruh ladang. Kredit perlu diberikan kepada Tun Sambanthan yang telah mencelikkan masyarakat ladang tentang kesedaran menabung<sup>15</sup> untuk masa depan

---

<sup>14</sup> *Straits Times*, 11 September 1957.

<sup>15</sup> Keterangan oleh Tan Sri Dato K.J.R. Somasundram pada 29 Disember 1999 di ibu pejabat NLFCS, Kuala Lumpur.

mereka.) Keadaan hidup masyarakat ladang sangat daif. Hampir kesemua pendapatannya dihabiskan untuk membeli todi. Keinsafan tentang Tanah Melayu sebagai tanah air mereka hanya disedari apabila mereka mula melabur di NLFCS. Maka, penubuhan koperasi telah menampakkan perubahan sikap buruh ladang. Perubahan sikap ini bertambah kukuh dengan pelaksanaan beberapa program bagi memajukan lagi kehidupan buruh ladang.

Salah satu objektif NLFCS ialah cuba menyelamatkan masyarakat estet dengan membeli ladang-ladang yang akan difragmentasikan. Dalam jangka hayatnya (1960-1979), Tun Sambanthan telah membeli lebih kurang 20 ladang<sup>16</sup> melalui saham koperasi. Bagaimanapun, beliau menghadapi masalah kewangan yang serius semasa membeli ladang. Wang saham daripada buruh ladang tidak dapat dikumpulkan dengan segera. Kelewatan ini adalah berpunca daripada masyarakat ladang yang tidak faham dengan objektif penubuhan koperasi. Fenomena ini memang diakui oleh Tun Sambanthan sendiri;

*"... the biggest barrier to a rapid increase in membership is the mass of inertia that prevails among the people and the need to awaken them."*<sup>17</sup>

Dalam usaha menyedarkan masyarakat ladang tentang pelaburan mereka dalam NLFCS, Tun Sambanthan telah melawat sendiri hampir keseluruhan estet di Tanah Melayu. Walau bagaimanapun beliau banyak dibantu oleh orang M.I.C. yang secara kebetulannya adalah ahli jawatankuasa NLFCS. Dalam setiap siri lawatan Tun Sambanthan cuba menekankan kepentingan memiliki tanah dan juga rumah sendiri.

---

<sup>16</sup> Maklumat tentang bilangan ladang yang dibeli dalam jangkamasa 1961-1979 diberikan di halaman 92.

Beliau juga menyeru buruh ladang bersatupadu dalam meningkatkan wang pelaburan NLFCS supaya banyak ladang boleh dimiliki. )

Masyarakat estet kurang faham tentang isi kandungan ucapan yang disampaikan oleh Tun Sambanthan. Mereka seringkali keliru dengan borang saham NLFCS dan borang insuran NUPW. Tun Sambanthan dan pengarah-pengarah NLFCS terpaksa mengisi sendiri borang saham dan seterusnya mendaftarkan mereka.<sup>18</sup> Sebab itu NLFCS juga melaksanakan kaedah pemotongan gaji bagi mengumpul wang secukupnya.

### **Menggalakan Pelaburan dalam NLFCS**

( Tun Sambanthan mengambil daya utama untuk memajukan pelaburan dalam NLFCS. Melalui ucapan-ucapan memberangsangkan dalam setiap siri lawatan ke ladang-ladang, Tun Sambanthan cuba membandingkan masyarakat Cina yang mempunyai kehidupan yang lebih stabil kerana sikap mereka yang tidak terlalu bergantung kepada ladang. Keadaan ini dilihat di ladang Brany Besar.<sup>19</sup> Buruh Cina dan Melayu sanggup bekerja secara kontrak di ladang lain apabila ladang mereka difragmentasikan. Manakala beliau kesal dengan sikap buruh India yang bergantung sepenuhnya di ladang yang mereka tinggal. Orang Cina juga mempunyai tabungan yang secukupnya untuk membeli ladang yang difragmentasikan. Manakala, buruh India sanggup meninggalkan ladang dengan sehelai sepinggang dan bersadai di tepi jalan. Pendapatan yang dikumpulkan

---

<sup>17</sup> New Straits Times Pamphlet, Ucapan Presiden MIC, Dato V.T. Sambanthan di Mesyuarat Tahunan ke-15, hlm. 3.

<sup>18</sup> Keterangan oleh Tan Sri K.R. Somasundram, pada 29 Disember 1999, di ibu pejabat NLFCS, Kuala Lumpur.

<sup>19</sup> Tamil Murasu, 19 Julai 1960. Ucapan yang diberikan semasa lawatan ke Daerah Kuala Langat.

sepanjang tahun dibelanjakan untuk minuman todi dan samsu.<sup>20</sup> Beliau juga tidak melepaskan peluang berucap tentang kepentingan NLFCS dalam setiap perjumpaan MIC. Ada segelintir daripada mereka sanggup memberi barang kemas dan wang tabungan untuk menyokong usaha NLFCS.<sup>21</sup>

Saranan beliau adalah agar buruh ladang meninggalkan tabiat buruk iaitu meminum todi dan mula menabung untuk membeli lebih banyak ladang. Dalam satu perjumpaan MIC, beliau menyatakan bahawa buruh estet India membelanjakan lebih kurang \$50 juta hingga \$60 juta dalam setahun untuk meminum todi. Sekiranya separuh daripada wang ini dikumpulkan, sudah tentu, dapat membeli 10,000 ekar ladang getah dalam setahun.<sup>22</sup> Beliau tidak pernah lupa menekankan tentang reformasi pemikiran yang boleh mengubah tindakan ke arah kemajuan orang India di estet. Ini bersesuaian dengan sikapnya yang mementingkan tindakan daripada retorik; beliau percaya apabila pemikiran dan tindakan bercirikan baik maka kejayaan mudah diperolehi. Tambahan, restu dan anugerah Tuhan juga akan turut serta.<sup>23</sup>

Dalam usaha ini, Tun Sambanthan mendapat sokongan dan bantuan daripada ahli MIC. Dalam setiap perjumpaan MIC, beliau telah meminta ahli-ahli MIC untuk memprogandakan mesej NLFCS. Malahan, ahli MIC merupakan pemegang saham NLFCS. Mereka yang menduduki lembaga pengurusan adalah ahli jawatankuasa MIC.<sup>24</sup> Tun Sambanthan selaku penggerusi NLFCS juga merupakan Presiden MIC. Selepas

<sup>20</sup> Tamil Murasu, 28 Jun 1960. Pemasalahan dalam perenggan ini diucapkan dalam mesyuarat Delegasi MIC dari Daerah Kulim, Kedah.

<sup>21</sup> Ihsan and authors, *Sucked Oranges The Indian Poor in Malaysia*, Kuala Lumpur, 1989, hlm. 74.

<sup>22</sup> Tamil Nesan, 15 November 1959.

<sup>23</sup> Setiap kali, sebelum mulakan ucapan, beliau akan bersembahyang di kuil ladang yang dilawatinya. Keterangan oleh Toh Puan Uma Sambanthan pada 17 Disember 1999.

<sup>24</sup> Berikut adalah beberapa orang yang memegang jawatan dalam MIC dan juga NLFCS. Encik Murugesu (Setiusaha Agong MIC dan Timbalan Penggerusi NLFCS ), dan Encik V.M. Sundram (Ketua MIC negeri

mesyuarat Delegasi tahunan MIC, ketua-ketua cawangan akan menyampaikan seruan Presidennya kepada penduduk di kampung halaman mereka.

( Segala aspirasi NLFCS turut disalurkan oleh akhbar-akhbar tempatan seperti **Tamil Murasu**, **Tamil Nesan**, **Malai Naadu** dan **Malayan Times**. **Tamil Nesan** dan **Tamil Murasu** banyak melaporkan tentang maklumat ladang-ladang yang dibeli, lawatan dan ucapan Tun Sambanthan serta gambarnya yang diambil di estet.<sup>25</sup> Publisiti dalam akhbar Tamil telah menyebarkan mesej NLFCS di seluruh pelusuk Tanah Melayu.)

( Dalam usaha menambahkan keahlian koperasi, beliau juga telah menawarkan hadiah piala pusingan kepada tiga kumpulan pertama yang dapat mengumpulkan paling ramai ahli baru<sup>26</sup> dalam tempoh masa dua minggu.) Malahan, cawangan-cawangan MIC turut serta dalam pertandingan ini.<sup>27</sup> Tun Sambanthan juga mengisytiharkan 14hb hingga 28hb bulan Januari sebagai 'Minggu Koperasi' bagi tujuan menambahkan dan memperbaharui keahlian baru.<sup>28</sup>

Kumpulan drama yang diketuai oleh Velan-Murugayee<sup>29</sup> dari Radio Malaya, turut digunakan sebagai salah satu cara untuk menggalakkan pelaburan di NLFCS. Drama yang dipentaskan selalunya mempunyai plot yang berkaitan dengan NLFCS. Kaedah ini mendatangkan hasil kerana ia bersesuaian dengan minat masyarakat estet. NLFCS pula menggunakan pendekatan psikologi untuk menyedarkan kepentingan pelaburan mereka dalam NLFCS.

---

Pérek dan Pengarah dalam Lembaga Pengarah NLFCS). P. Arunasalam (susunan), **Varalatri Oru Mamanitar**, Memorial Tun Sambanthan, Lebuh Ampang, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 9.

<sup>25</sup> Penelitian penulis semasa membuat rujukan akhbar.

<sup>26</sup> **Malai Naadu**, 1 Januari 1964.

<sup>27</sup> **Tamil Nesan**, 23 Julai 1965.

<sup>28</sup> **Malai Naadu**, 21 Oktober 1963.

<sup>29</sup> Watak Velan dilakukan oleh A.M. Ismail manakala Murugayee pula oleh Puan Amaravathy Govindarasu. **NLFCS, Pathineddham Perukku** – majalah khas keluaran NLFCS, Kuala Lumpur, 1978, hlm. 66.

( Pada akhir tahun 1961, jumlah pemegang saham adalah sebanyak 5152 orang.<sup>30</sup> Angka ini meningkat kepada 22,000 orang pada tahun 1962<sup>31</sup> dan bertambah sebanyak 6,000 orang pada tahun seterusnya.<sup>32</sup> Walau bagaimanapun, Tun Sambanthan mempunyai hasrat untuk mendapat 50,000 ahli. Dengan itu boleh mengumpul wang \$500,000 dalam sebulan. Kejayaan NLFCS mula terserlah pada tahun 1964 apabila memiliki 30,000 ahli NLFCS dan 9,000 ekar.<sup>33</sup> Pada tahun 1979, jumlah keahlian NLFCS meningkat kepada 67,033.<sup>34</sup> )

Beliau juga seringkali membincangkan masalah fragmentasi di kabinet. Beliau mendesak kerajaan untuk merangka undang-undang membendung fragmentasi. Perubahan masa telah menyebabkan matlamat asas NLFCS perlu ditukar. Koperasi perlu melabur dalam aktiviti-aktiviti komersial untuk meningkatkan pelaburannya. Pembelian ladang sahaja tidak menjamin 'survival' NLFCS. Selepas Akta Fragmentasi diperkenalkan pada tahun 1968, NLFCS berhenti membeli lading tetapi orang India terus melabur dalam koperasi.

### Pembelian dan Pembangunan Ladang

( Selepas pembelian ladang pertama Bukit Siddim Kulim, Kedah<sup>35</sup> NLFCS mula mendapat sambutan dari seluruh Tanah Melayu.) Apa yang selama ini diperkatakan

<sup>30</sup> NLFCS, **Laporan dan Penyata Tahunan 31.12.1960**, Ibupejabat NLFCS, 1960, hlm. 13.

<sup>31</sup> **Tamil Nesan**, 2 Mac 1962.

<sup>32</sup> **Malayan Times**, 21 Oktober 1963.

<sup>33</sup> **Malai Nadu**, 1 Januari 1964.

<sup>34</sup> Muthiah a/l Alorsamy, "Usaha Pembentukan Koperasi Kebangsaan Permodalan Tanah Bhd. (NLFCS) dan Pengukuhan Sosio-ekonomi Etnik India di Malaysia," Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, UKM, 1996/97, hlm. 121.)

<sup>35</sup> **Tamil Nesan**, 8.7.1961. Ladang Bukit Siddim merupakan ladang pertama yang dibeli selepas 6 bulan penubuhan NLFCS. Ia mempunyai keluasan 2915 ekar dan bernilai \$33,32,694.16.

sudahpun dikotakan. Perasmian pembelian ladang pertama oleh NLFCS dilakukan oleh Tengku Abdul Rahman. Ini menambahkan lagi keyakinan masyarakat India untuk terus melabur dalam NLFCS. Tengku dalam ucapan perasmian,

“Buat pertama kali buruh ladang telah bersatu tenaga dan mengumpul wang melalui koperasi untuk membeli ladang besar ini. Tindakan ini akan menjadi peristiwa sejarah tanahair dan pada masa yang sama turut menyumbang kepada ekonomi negara.”<sup>36</sup>

Pembelian ladang besar Bukit Siddim meningkatkan keazaman Tun Sambanthan untuk terus membeli ladang-ladang lain dengan adanya peningkatan dalam pemegang saham.

( Urusan membeli ladang-ladang oleh NLFCS telah mengatasi masalah ekonomi masyarakat ladang. Mereka meneruskan kehidupan di ladang yang menjadi periuk nasi mereka. NLFCS juga telah menukar imej buruh ladang yang kini telah menghakmiliki ladang dengan wang titik peluh sendiri. Dengan redanya masalah fragmentasi, buruh ladang dapat menenangkan fikiran dan juga mengatasi masalah sosial mereka.)

*“I have always maintained that there could not be anything more dynamic for the people of estates than to buy over the estates especially those which are about to be fragmented.”<sup>37</sup>*

Kenyataan di atas jelas membuktikan NLFCS bukan bertujuan untuk membeli semua ladang yang terdapat di Tanah Melayu. NLFCS juga tidak bertindak secara prejedis dengan membeli ladang yang kebetulannya mempunyai populasi buruh India paling tinggi. Ia memegang kepada prinsip penubuhannya iaitu hanya membeli ladang-ladang

<sup>36</sup> NLFCS, Majalah Kootoravu, NLFCS, Kuala Lumpur, Mei 1979, hlm. 31.

<sup>37</sup> Straits Times, 2 January 1967.

yang difragmentasikan. Dari tahun 1960 hingga 1979, NLFCS telah membeli 20 buah ladang.<sup>38</sup>

Pada tahun-tahun awal penubuhannya, NLFCS hanya memberi tumpuan kepada pembelian ladang sahaja. Urusan pembelian banyak dilakukan dengan bayaran ansuran sehingga hutang koperasi berterusan. Sesebuah ladang yang ingin dibeli oleh NLFCS akan dibayar wang pendahuluannya. Kemudian, Tun Sambanthan dan rakan-rakannya akan melawat ladang yang akan dibeli atau pun ladang-ladang lain (sudah dibeli atau pun belum) untuk menambahkan keahlian dan saham koperasi. Dengan pengumpulan wang saham ini hutang-hutang akan dibayar. Pada kebanyakan waktu, Tun Sambanthan terpaksa meminjam dari bank<sup>39</sup> untuk menjelaskan wang pendahuluan ataupun wang bakinya. Beliau seringkali menghadapi kerumitan dalam membayar wang bagi ladang yang dibeli.

Kerumitan yang dialami dalam urusan membeli lading menyebabkan Tun Sambanthan tidak dapat merancang program-program komersial dalam sepuluh tahun awalpenubuhan NLFCS. Hanya selepas Akta Fragmentasi 1968<sup>40</sup> diluluskan, NLFCS mula mengurangkan pembelian ladang dan meningkatkan usaha mengkomersialkan komoditi ladang.

---

<sup>38</sup> Lihat senarai ladang-ladang di mukasurat sebelah.

<sup>39</sup> NLFCS, *Laporan dan Penyata Kira-kira 1969*, Kuala Lumpur, 1969, hlm. 20. [Chartered Bank, Chung Khiaw Bank Berhad, Indian Overseas Bank Bhd., Malayan Finance Corporation Bhd., Life Insurance Corporation of India Bhd., Bank Bumiputra, United Malayan Banking Corporation Bhd. dan Public Bank adalah di antara bank-bank yang memberi pinjaman].

**Jadual IV: Ladang-ladang milik NLFCS (1960-71)**

	Nama Ladang	Jenis Tanaman	Ekar	Harga \$
1961	Bukit Siddin (Kulim)	Getah	2914	3,419,918
1962	Ladang Rinching	Kelapa Sawit	1342	2,333,753
1963	Ladang Sg. Gumut	Getah	895	1,224,662 *
1963	Ladang Kuala Perak	Kelapa	3026	3,687,532
1965	Ladang Sg. Siput	Getah	2038	1,290,000
1967	Ladang Ulu Air Tawar	Getah	835	860,000
1967	Ladang Sg. Choh	Getah	3700	4,125,000
1967	Ladang Seremban	Getah	2729	350,000
1967	Ladang Pundut	Getah	1003	200,000
1967	Ladang Cairo	Getah	550	770,000
1967	Ladang Baru	Getah	1242	111,000
1968	Ladang Blue Valley	Teh	558	620,000
1968	Ladang Sepang Valley	Kelapa Sawit	954	130,000
1968	Ladang Belata River	Getah	1750	145,000
1968	Ladang Sg. Krudda	Getah	2138	233,000
1969	Ladang Soon Lee	Getah	1715	226,000
	Ladang Sg. To		560	*
1969	Pawang	*		
1969	Ladang Bagan Pasir	Kelapa	2288	3, 976, 100
1962	Ladang Gan Seng	Getah	982	851,811
*	Ladang Stoughton	Getah	1126	*

SUMBER:

- NLFCS, **Majalah Kootturavu**, 1977, keluaran NLFCS, Kuala Lumpur, 1977.
- NLFCS, **Laporan Penyata dan kira-kira 1969**, keluaran NLFCS, Kuala Lumpur, 1970.
- NLFCS, **Laporan Penyata dan kira-kira 1970**, keluaran NLFCS, Kuala Lumpur, 1971.
- P. Arusalam (disusun), **Varalatril Oru Maamanithar**, Memorial Tun Sambanthan, Lebuh Ampang, Kuala Lumpur, 1985, hlm. 159.

\* Data tidak dapat diperolehi.

Keuntungan bersih koperasi, akan dibahagikan kepada dividen, pelaburan, simpanan tetap dan pembiayaan rancangan khas seperti skim insurans.<sup>41</sup> Pada tahun 1970, Lembaga Pengarah mengesyorkan pembahagian untung sebanyak 6% ke atas saham yang telah jelas dibayar oleh ahlinya. Dalam tempoh ini juga, 83 Kira-kira Akaun Simpanan Tetap dibuka bagi 75 pertubuhan dan 194 orang perseorangan. Faedah juga diberikan ke atas Simpanan Tetap yang dilabur oleh orang luar. Sebanyak 8% faedah diberikan ke atas simpanan \$500,000 dan lebih bagi tempoh satu tahun atau lebih. Manakala 7% faedah dikenakan bagi jumlah kurang daripada \$500,000.<sup>42</sup> Cara ini dapat membantu NLFCS mengumpul modal untuk membeli ladang atau menyelesaikan hutang koperasinya.

Dalam usaha meningkatkan laba dari ladang, aktiviti tanaman semula dijalankan. Selepas Ladang Bukit Sidim dibeli, 80 ekar kawasan getah yang lama dan 14 ekar kawasan gaung yang berhampiran diterangkan dan ditanam dengan pokok-pokok yang boleh mendatangkan banyak hasil. Kawasan seluas 217 ekar ditanam dengan benih-benih jenis PBIG/GG.<sup>43</sup> Seluas 90 ekar, ladang Gan Seng ditanam semula dengan benih getah gred PRTM 623.<sup>44</sup> Manakala, kawasan seluas 384 ekar ladang Belata River ditanam dengan getah jenis PEDIGREE'. Pokok-pokok getah lama diganti dengan benih pokok yang bermutu supaya tumbuh dengan cepat dan mendapat hasil yang berlipat ganda.

Penanaman Sambilan atau '*catch-crop*' juga diperkenalkan di ladang-ladang NLFCS. Idea ini telah dilaksanakan selepas Tun Sambanthan pulang dari Taiwan. Oleh

<sup>40</sup> Straits Times, 11 December 1968.

<sup>41</sup> NLFCS, Laporan dan Penyata Kira-kira 1970, Kuala Lumpur, hlm. 14-15.

<sup>42</sup> NLFCS, Laporan dan Penyata Kira-kira 1969, Kuala Lumpur, 1970, hlm. 8.

<sup>43</sup> Ibid., hlm. 9.

kerana, kaedah ini begitu popular di Taiwan maka NLFCS mula melaksanakan idea ini di ladang Sungai Siput, ladang Kuala Perak, Ladang Cairo dan Ladang Bagan Pasir. Ladang-ladang kelapa diselang-selikan dengan tanaman koko. Seluas 200 ekar ladang Kuala Perak dan 80 ekar ladang Bagan Pasir ditanam dengan koko.<sup>45</sup> Seluas 2.38 ekar Ladang Cairo ditanam dengan pisang.<sup>46</sup> Tanaman kacang tanah, pisang, ubi kentang, terung, jagung dan cili diusahakan di Ladang Sungai Siput di sekitar tahun 1970-an.<sup>47</sup>

Kaedah penanaman ini membolehkan buruh ladang mempunyai pekerjaan dan pendapatan sampingan semasa menunggu pokok getah dan kelapa sawit mengeluarkan hasilnya. Cara ini juga memberi peluang kepada buruh ladang untuk memperolehi sayur-sayuran bagi kegunaan domestik. Dengan ini buruh ladang dapat menjimatkan wang untuk membeli lebih banyak saham di NLFCS. Namun, kaedah ini tidak dapat dilaksanakan di semua ladang dan sering kali menghadapi gangguan cuaca dan banjir.

Tun Sambanthan juga sering memikirkan tentang kemajuan taraf hidup buruh ladang. Ladang-ladang milik NLFCS juga mengendalikan industri berdasarkan tanaman yang diperolehi dari sesebuah ladang. Tempurung kelapa yang dianggap sebagai bahan buangan telah dijadikan tepung. Ini dikendalikan di ladang Kuala Perak. Industri ini bermula pada tahun 1967. Tepung tempurung, gred 100, 200 dan 300 telah memberi pulangan lumayan apabila diimport. Industri berdasarkan serabut kelapa dan minyak kelapa sawit juga dimulakan.

Dengan wujudnya industri-industri seumpama ini, membolehkan peluang pekerjaan terbuka luas bagi buruh ladang. Dengan meningkatnya pendapatan, buruh di

---

<sup>44</sup> Tamil Nesan, 26 Mac 1965.

<sup>45</sup> NLFCS, **Laporan dan Penyata Kira-kira 1970**, Kuala Lumpur, 1970, hlm. 18.

<sup>46</sup> **Ibid.**, hlm. 14.

<sup>47</sup> NLFCS, **Laporan dan Penyata Kira-kira 1970**, Kuala Lumpur, 1970, hlm. 19.

ladang mempunyai wang berlebihan untuk melabur dalam pendidikan anak-anak mereka.

Inilah harapan Tun Sambanthan untuk buruh-buruh ladang milik NLFCS.

Aktiviti-aktiviti perladangan dikomersialkan supaya NLFCS mendapat laba yang banyak untuk menjelaskan hutang-hutang koperasinya. Harapan Tun Sambanthan adalah untuk menambahkan penjualan saham. Beliau sendiri mengakui keadaan ini pada tahun 1970 dengan berkata, “... urged members to take extra \$100 worth of shares each to pay off the society's debts.”<sup>48</sup>

**Projek perumahan dan skim pembelian tanah** oleh NLFCS bermula pada tahun 1975.<sup>49</sup> Ia dilancarkan oleh Tun V.T. Sambanthan dalam mesyuarat Tahunan Agung Ke-11 NLFCS di Sitiawan, Perak apda 20.7.75. Pelancaran skim ini adalah program jangka panjang. Tun Sambanthan sering kali menyuarakan rasa sedihnya terhadap keadaan rumah buruh yang kecil lagi sempit. Ia kelihatan seolah-olah sebuah rumah panjang yang mempunyai satu bilik secara berderet. Rumah seumpama ini di ladang dikenali sebagai "layen". Beliau juga menegaskan seorang buruh seharusnya memiliki rumah sendiri. Projek ini juga membolehkan seorang buruh terus tinggal di ladang walaupun sudah pencen.<sup>50</sup> Masa depan atau hari tuanya lebih terjamin dengan memiliki sebuah rumah sendiri.

Pada awalnya NLFCS hanya bercadang untuk membina rumah di ladang-ladang milik koperasi. Ladang Sungai Choh (Rawang) dan Ladang Ulu Air Tawar (Perak), adalah di antara ladang-ladang milik NLFCS yang melaksanakan projek perumahan pada tahun 1977.<sup>51</sup> Namun, pada tahun 1976, NLFCS bercadang untuk membeli tanah untuk

<sup>48</sup> Straits Times, 24 August 1970.

<sup>49</sup> NLFCS, Kooturavu, Kuala Lumpur, Ogos 1975, hlm. 14.

<sup>50</sup> Kata-kata Tun Sambanthan. *Ibid.*, hlm.17.

<sup>51</sup> NLFCS,Kooturavu,Kuala Lumpur, September 1977, hlm. 1.

projek perumahan di ladang bukan miliknya. Bagi tujuan ini, koperasi membeli tanah seluas 111.4 ekar di negeri Melaka dan 6 ekar di Negeri Sembilan.<sup>52</sup> Dalam melaksanakan kewajipannya, NLFCS telah maju setapak lagi dalam menyediakan kemudahan rumah bukan sahaja kepada buruh tetapi kepada mereka yang memerlukannya.

**Skim memiliki tanah sendiri** juga telah dibuat oleh NLFCS. Ini supaya masyarakat estet boleh memiliki tanah sendiri bagi tujuan bercucuk tanam atau membina rumah. Buruh yang sudah pun menjadi pemegang saham bagi \$100, kini, terpaksa membayar \$30, \$40 atau \$50 sebagai tambahan untuk memiliki sebidang tanah.<sup>53</sup> Mereka perlu menunggu untuk lima tahun untuk memiliki sebidang tanah. Misalnya, seorang yang membayar \$50 perlu menunggu wangnya mencapai jumlah \$3000 bagi memiliki 1/4 ekar tanah.

Skim pemilikan tanah juga merupakan rancangan jangka panjang oleh NLFCS dalam melaksanakan obligasinya terhadap peningkatan taraf hidup buruh ladang. Kurangnya sambutan daripada buruh ladang menyebabkan koperasi terpaksa memperlakukan pelaksanaan kedua-dua projek ini sehingga akhir tahun 1980. Tun Sambanthan pernah berkata "NLFCS mempunyai tanah dan semangat untuk membina rumah bagi keselesaan buruh ladang tetapi halangannya ialah wang.<sup>54</sup> Beliau terpaksa memikirkan cara lain untuk mengatasi masalah ini. Beliau cuba mendapatkan pinjaman daripada Tabung Wang Simpanan Pekerja yang dilancarkan oleh kerajaan.<sup>55</sup>

---

<sup>52</sup> Ibid., Januari 1976, hlm. 11.

<sup>53</sup> NLFCS, Pathineddin, Kuala Lumpur (tiada catatan halaman dan tahun penerbitan).

<sup>54</sup> NLFCS, Kootturavu, Kuala Lumpur, Jun 1977, hlm. 1.

<sup>55</sup> Ibid.

Tun Sambanthan juga telah menjemput pakar senibina rumah kos rendah Dr. Karl Park<sup>56</sup> untuk memerhatikan projek perumahan dan skim tanah perumahan milik NLFCS. Beliau diundang untuk menasihati koperasi dalam usaha membina rumah berkualiti untuk buruh ladang. Tindakan ini jelas menunjukkan kesungguhan dan minat yang ditunjukkan oleh Tun Sambanthan untuk menjadikan kedua-dua projek sebagai kenyataan.

**Skim insurans berkumpulan** dicadangkan pada tahun 1962 dan mula dilaksanakan pada permulaan tahun 1963. Premium tidak perlu dibayar tetapi ia dikira berdasarkan jumlah saham yang dibeli oleh ahli-ahlinya.<sup>57</sup> Insuran seumur hidup ini boleh disertai oleh golongan yang berumur di antara 18-60 tahun.<sup>58</sup> Tanggungan di bawah skim ini dijamin oleh Syarikat Insuran Kerjasama Malaysia Kuala Lumpur (MIFSC). Skim ini menyediakan insuran sebanyak \$1500 kepada semua ahlinya.<sup>59</sup>

Skim ini dimulakan sebagai rancangan kebajikan buruh ladang. Buruh ladang seringkali menghadapi kesulitan wang sekiranya ada kematian dalam keluarganya. Sebelum kemerdekaan, perbelanjaan urusan kematian ditanggung oleh "South Indian Labour Fund" (S.I.L.F.).<sup>60</sup> Apabila buruh ladang mula menetap di Tanah Melayu, maka mereka sangat memerlukan skim insuran seumpama ini bagi menguruskan kematian. Pelancaran skim ini dianggap sesuatu yang tepat pada masanya.

Tun Sambanthan juga memandang serius terhadap **taraf pendidikan** masyarakat ladang. Beliau tidak mahu masalah keciran berterusan khasnya di ladang-ladang yang dibeli oleh NLFCS. Pada tahun 1962, NLFCS memulakan perkhidmatan bas sekolah

<sup>56</sup> NLFCS, **Patineddham Perukku**, NLFCS, Kuala Lumpur, 1978.

<sup>57</sup> Tamil Nesan, 28 September 1962.

<sup>58</sup> Malai Nadu, 1 Januari 1964..

<sup>59</sup> NLFCS, **Laporan dan Penyata Kira-kira**, Kuala Lumpur, 1969, hlm. 8.

<sup>60</sup> SILF adalah tabung yang ditubuhkan oleh pemilik-pemilik ladang Eropah bagi menanggung perbelanjaan pergi-balik, kebajikan dan kematian buruh ladang.

bagi membantu dan mendorong minat belajar di kalangan kanak-kanak estet, seperti kata Tun Sambanthan:

*“... provide diesel school buses wherever we have 1000 subscribing members and where secondary schools are about 15 to 20 miles away so that it would be possible for them to send their children at half or less than half of the present expenses.”<sup>61</sup>*

Sebelum merdeka, pengangkutan dan kedudukan sekolah menengah di bandar menjadi alasan bagi anak-anak buruh untuk menamatkan persekolahan di peringkat rendah sahaja. Dengan menyediakan perkhidmatan bas, anak-anak buruh dapat mengikuti persekolahan menengah yang selalunya diadakan di bandar.

Bahagian Pinjaman Pelajaran NLFCS diwujudkan pada tahun 1977. Pada awalnya ia hanya memberi hadiah pelajaran berbentuk wang kepada anak-anak buruh yang sedang menuntut dalam tingkatan empat dan lima. Pada tahun 1977, buat kali pertama, 50 pelajar menerima hadiah ini.<sup>62</sup> Pada tahun berikutnya, hanya 200 pelajar layak selepas ditapis melalui borang permohonan.<sup>63</sup> Pada awalnya, skim bantuan secara besar-besaran untuk pelajar sekolah menengah tidak dapat ditawarkan kerana wang pinjaman pelajaran juga turut diberikan kepada penuntut yang sedang mengikuti pengajian di dalam dan luar negeri. Skim bantuan Pelajaran Pendidikan Tinggi telah menawarkan sebanyak \$31,283.52 kepada 32 orang pelajar yang meneruskan pelajaran di universiti Malaysia, United Kingdom, India dan New Zealand.<sup>64</sup>

<sup>61</sup> **Malayan Times**, 31 December 1962.

<sup>62</sup> NLFCS, "Patineddham Perukku", 1978, hlm. 43.

<sup>63</sup> **Ibid.**

<sup>64</sup> NLFCS, **Laporan dan Penyata Kira-kira NLFCS, 1969**, Kuala Lumpur, hlm. 8.

Sebelum tahun 1979, Wang Pinjaman Pelajaran hanya dibahagikan kepada pelajar sekolah menengah dan pendidikan tinggi. Namun, skim ini tidak dilaksanakan dalam skala yang besar kerana tumpuan koperasi masih untuk menambahkan laba dan menjelaskan hutangnya. Keberkesanan Skim Pendidikan Tinggi<sup>65</sup> hanya dilihat selepas tahun 1982. Malahan, Tabung Pendidikan Tun Sambanthan yang dicadangkan hanya mula beroperasi selepas kematian Tun Sambanthan. Pendidikan sekolah menengah diabaikan oleh masyarakat ladang kerana pihak British tidak memberi penekanan serius dalam hal ini. Mereka hanya menawarkan pendidikan vernakular. Penyata Razak pula, hanya menetapkan pendidikan selama 12 tahun iaitu bagi sekolah rendah dan menengah. Bantuan kewangan pelajaran yang dilancarkan oleh NLFCS merupakan usaha pertama bagi membantu anak-anak buruh estet untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi. Usaha murni Tun Sambanthan memang telah membantu untuk meningkatkan taraf pendidikan masyarakat estet untuk turut serta dalam pembangunan negara.

Sejak penubuhannya pada 1960 dan sehingga kematian Tun Sambanthan pada 1979, NLFCS masih tidak dapat melaksanakan projek-projek yang boleh dikomersialkan kerana dihalang oleh masalah hutang, akibat daripada aktiviti pembelian ladang sahaja. Ada juga projek-projek yang dilaksanakan lebih mementingkan kebajikan masyarakat estet. Projek-projek komersial yang masih melibatkan pertanian seperti tanam semula dan 'catch-crop' pula tidak memberi pulangan yang lumayan. Projek-projek perindustrian hanya mula dirancang pada tahun 1978.<sup>66</sup> Di antaranya ialah *Shamlin Oil Processing* di Ladang Rinching, Negeri Sembilan. NLFCS dengan kerjasama *Nalin Enterprise* cuba

<sup>65</sup> Maklumat secara terperinci tentang skim bantuan pelajaran boleh dibaca dalam latihan ilmiah yang ditulis oleh Muthiah a/l Alorsamy. (Sila lihat nota kaki 34.)

<sup>66</sup> NLFCS, **Ucapan Tun Sambanthan di Mesyuarat Agung NLFCS Ke-12, Sungai Siput, Perak pada 10-12-1978**, Ibupejabat NLFCS, Kuala Lumpur, hlm.5.

membuka industri berasaskan kelapa sawit di Pasir Gudang (Johor). Adalah menjadi hasrat Tun Sambanthan untuk mewujudkan satu bentuk industri di setiap ladang milik NLFCS.<sup>67</sup> Tetapi kesemuanya kekal menjadi mimpi. Segala mimpi beliau mula menjadi kenyataan selepas tahun 1980 setahun selepas kematiannya. Badan pentadbir baru NLFCS, mula memberi tumpuan kepada perindustrian seiring dengan pembangunan ekonomi negara.

### **Pemasalahan NLFCS**

Sebenarnya dalam tempoh 18 tahun (1960-79) melaksanakan aktiviti-aktiviti NLFCS, Tun Sambanthan tidak dapat bergerak pantas kerana usaha berani dan murni ini mendatangkan banyak masalah. **Bebanan hutang** yang ditanggung oleh NLFCS menjadi satu-satunya masalah yang merunsingkan Tun Sambanthan sehingga akhir hayatnya. Jumlah hutang koperasi pada tahun 1973 ialah \$224 juta. Ia dapat dikurangkan sebanyak \$55 juta menjelang tahun 1976.<sup>68</sup> Pada masa yang sama, \$61 juta faedah<sup>69</sup> dibayar kepada jumlah hutang tersebut.

**Perbelanjaan koperasi** adalah juga melebihi keuntungan yang diperolehi. Ini kerana NLFCS membeli ladang-ladang dengan meminjam wang dari bank untuk membayar wang pendahuluan dan wang ini perlu dipulangkan daripada wang perolehan NLFCS. Tambahan pula, NLFCS juga membiayai projek-projek yang lebih bermotifkan

---

<sup>67</sup> Ibid., hlm. 6.

<sup>68</sup> Ibid., hlm.1.

<sup>69</sup> Ibid.

kebijakan. Misalnya, NLFCS membelanjakan \$20 juta setiap tahun bagi projek tanam semula,<sup>70</sup> yang boleh meningkatkan pendapatan sampingan buruh.

Sebagai badan koperasi, NLFCS sepatutnya tidak mempunyai kaitan politik tetapi, sejak penubuhan ia dikritik sebagai "*political baby of MIC*". Malah, NLFCS dituduh menyimpang keluar dari dasar penubuhan sesebuah koperasi dengan mendapat **patronaj politik MIC**. Tun Sambanthan dikecam kerana menggunakan kedudukan politiknya untuk mengukuhkan NLFCS. Namun, ternyata NLFCS mendapat pinjaman mudah kerajaan untuk memajukan masyarakat buruh di estet. Tun Sambanthan telah menggunakan kedudukannya dalam kabinet untuk meminjam wang dari bank. Kerajaan juga bersetuju memberi sebanyak \$5 juta bagi setahun<sup>71</sup> mulai tahun 1967 hingga 1969 dengan syarat koperasi perlu menjelaskan balik pinjaman secara ansuran dalam tempoh 10 tahun. Pinjaman ini diluluskan atas jasa baik Menteri Kewangan, Tun Tan Siew Sin. Tun Sambanthan memang menggunakan naungan politik untuk mengatasi masalah kewangan yang melanda NLFCS.

Walaupun Tun Sambanthan mencadangkan penubuhan NLFCS, beliau tidak mempunyai niat untuk menerajui kepimpinan NLFCS. Beliau sendiri mengakui kenyataan ini dalam satu surat kepada editor, **Malay Mail** bertarikh 5.12.1962.<sup>72</sup> Beliau pernah meminta P.P. Narayanan, aktivis Kesatuan Sekerja buruh estet untuk menyertai NLFCS kerana beliau terlibat secara langsung dengan permasalahan buruh estet. Bagaimanapun, P.P. Narayanan tidak melihat masalah fragmentasi sebagai satu ancaman besar kepada masyarakat estet. Tun Sambanthan mengadakan perbincangan dengan

---

<sup>70</sup> Ibid., hlm. 2.

<sup>71</sup> Straits Times 11 December 1967.

S.P.S. Nathan, Presiden Gabungan Kesatuan Pekerja Ladang (NUPW) sebelum menubuhkan NLFCS. Menurutnya, "... *I remember, I asked them to be the President, Vice-President or in any capacity in the Board of Directors. They refused.*"<sup>73</sup>

P.P. Narayanan juga tidak mahu ahli NUPW menjadi 'paid servants'<sup>74</sup> di bawah NLFCS. Keadaan pada tahun 1960, menampakkan tiadanya kerjasama antara NUPW dengan Tun Sambanthan. Sekiranya P.P. Narayanan sedia berganding bahu dengan NLFCS, dipercayai koperasi tiada kesulitan untuk menambahkan ahli. P.P. Narayanan mempunyai pengaruh yang besar di kalangan masyarakat estet.<sup>75</sup> Pada waktu yang sama, P.P. Narayanan juga melarang akhbar NUPW, 'Sangamani' untuk menyiarkan iklan daripada persatuan yang ingin membeli tanah atau ladang di Tanah Melayu.<sup>76</sup> Beliau berpendapat cara ini boleh mengurangkan pengaruh Tun Sambanthan di kalangan buruh India di estet.

Oleh kerana usaha Tun Sambanthan untuk menggalakkan NUPW turut serta dalam NLFCS mencapai jalan buntu, maka beliau sendiri menjadi presiden seumur hidup NLFCS. Tetapi beliau tidak memegang saham dalam koperasinya. Ini membolehkan beliau terlepas daripada syak wasangka orang ramai bahawa penubuhan koperasi adalah bermotifkan kepentingan diri sendiri.

Memang, NLFCS tidak dapat melepaskan diri daripada tuduhan yang mengatakan ia mendapat pengaruh MIC. Mereka yang dilantik dalam Lembaga Pengarah<sup>77</sup> adalah

---

<sup>72</sup> **New Straits Times Pamphlet**, Surat Tun Sambanthan kepada Editor Malay Mail sebagai maklum balas kepada "Statement made by Enche P.P.Narayananan was why should a Trade Union pick up a quarrel with a co-operative society".

<sup>73</sup> Ibid., hlm. 3.

<sup>74</sup> Ibid.

<sup>75</sup> Tun Sambanthan memulakan karier politiknya pada tahun 1955. Tetapi P.P. Narayanan terlibat dengan MTUC sejak 1949.

<sup>76</sup> **New Straits Times Pamphlet**, (tidak bertajuk), hlm. 4.

<sup>77</sup> Rujuk nota kaki 22.

dari MIC. Misalnya Tan Sri Manickavasagam yang menjadi Timbalan Presiden NLFCS, memegang jawatan yang sama dalam MIC. Pada masa yang sama, Tun Sambanthan juga melantik ahli Jawatankuasa Lembaga NLFCS yang terdiri daripada 6 orang dari kelas pekerja, seorang peguam, dua orang, masing-masing daripada bidang perniagaan dan perkhidmatan awam, seorang guru dan dua orang dari bidang perkeranian.<sup>78</sup> Tun Sambanthan menganggap perlantikan sedemikian adalah penting untuk mendapat keyakinan dan kepercayaan daripada pihak yang mewakili pelbagai bidang.

Apabila organisasi pentadbirannya terdiri daripada orang MIC, maka adalah tidak logik untuk menafikan NLFCS tidak mempunyai kaitan dengan politik (MIC). Encik Govindasamy, Pengerusi Lembaga Pengarah NLFCS yang pertama, menggambarkan situasi ini sebagai '*purely accidental*'.<sup>79</sup> Alasan ini boleh diterima kerana memang tidak ada orang yang berkaliber dalam jangkamasa tersebut untuk memulakan sebuah koperasi. Selain keengganan P.P. Narayanan, persetujuan Tengku Abdul Rahman menjadi faktor dorongan bagi Tun Sambanthan untuk menujuhkan koperasi pada tahun 1960. Encik Govindasamy mengukuhkan pendiriannya dengan berpendapat:

*"... without them the movement could not have come into being  
... When the board examines an application for a share, no one  
looks into his political affiliations."*<sup>80</sup>

Sebenarnya, jika diteliti dengan saksama, hanya pucuk pimpinan dipegang oleh orang politik tetapi keahlian terbuka kepada semua lapisan masyarakat. Tanpa Tun

---

<sup>78</sup> *Ibid.*, hlm. 5.

<sup>79</sup> *Straits Times*, 31 December 1962.

Sambanthan memang koperasi tidak bermaya. Apabila idea penubuhan NLFCS tercetus di mindanya, orang pertama yang dijumpai oleh Tun Sambanthan ialah Tengku Abdul Rahman. Tengku, selaku Perdana Menteri Tanah Melayu ketika itu, menyokong penuh penubuhan koperasi. Ini kerana pelaksanaan undang-undang akan memakan masa untuk mengatasi masalah fragmentasi. Tengku berpihak kepada Tun Sambanthan kerana beliau yakin sebagai Menteri dalam kabinetnya Tun Sambanthan dapat melaksanakannya dengan baik. Tengku sendiri menjadi penaung politik terpenting dalam penubuhan NLFCS.

Kedudukan politik dan pentadbiran Tun Sambanthan memang mempengaruhi imej NLFCS. Pembelian ladang-ladang oleh NLFCS dilakukan dengan bantuan pinjaman wang daripada bank. Apabila Tun Sambanthan bercadang membeli ladang pertama Bukit Siddim, di Kulim, Kedah, *Chartered Bank* sanggup menawarkan wang pendahuluan sebanyak \$33 juta kepada NLFCS.<sup>81</sup> Bank sanggup menawarkan pinjaman wang kerana kepercayaan kepada Tun Sambanthan selaku Menteri. Sudah tentu tanpa pengenalan diri yang kukuh bank tidak akan meluluskan jumlah pinjaman, yang begitu besar. Sekali lagi, naungan politik juga membantu operasi NLFCS.

NLFCS tidak dapat lari daripada patron ej politik selagi Tun Sambanthan menjadi Presidennya. Tambahan pula, Tun Sambanthan juga menggunakan peluang ini untuk memajukan koperasi. Pihak yang cemburu meneruskan tuduhan-tuduhan yang tidak berdasar. P.P. Narayanan pernah menuduh "emas dan wang simpanan di Pejabat Pos juga diminta daripada ahli koperasi".<sup>82</sup> NUPW juga mengkritik NLFCS yang tidak

---

<sup>80</sup> Ibid.

<sup>81</sup> Tamil Nesan, 8 Julai 1961.

<sup>82</sup> Malay Mail, 6 December 1962.

menawarkan 95% kerusi dalam Lembaga Pengarah kepada buruh estet yang memegang 95% saham koperasi.<sup>83</sup>

Tuduhan-tuduhan seperti di atas tidak dapat mengugat kemajuan NLFCS mahupun kedudukan Tun Sambanthan. Ini kerana pengaruh politik yang menjadi asas kekuatan NLFCS. Tun Sambanthan telah membincangkan tentang NLFCS dalam setiap mesyuarat agong atau delegasi MIC. Malahan, beliau menggunakan MIC sebagai saluran untuk menambahkan ahli koperasi. Beliau meminta ketua-ketua cawangan MIC mengadakan kempen dan juga memungut \$10 dari setiap ahli, setelah pulang ke kampung halaman mereka.<sup>84</sup> Beliau juga menggunakan NLFCS sebagai saluran untuk menambahkan keahlian MIC.

Beliau juga dikatakan, secara tidak sengaja telah mengabaikan kumpulan pekerja yang terdiri daripada buruh Majlis Tempatan, Keretapi, Kerjaraya, lombong dan sebagainya.<sup>85</sup> Tuduhan ini tidak berasas sama sekali. Buruh ladang diutamakan kerana masalah fragmentasi yang menyebabkan ramai orang India mula meninggalkan Tanah Melayu. Tidak dapat dinafikan, majoriti buruh estet adalah bangsa India dan adalah merugikan sekiranya mereka meninggalkan Tanah Melayu yang sudah merdeka. Nasib mereka sedang berubah dengan mendapat kerakyatan di Tanah Melayu. Golongan ini akan membentuk 3/4 daripada keseluruhan bangsa India di Tanah Melayu. *Survival M.I.C.* juga sangat bergantung kepada keahlian buruh estet. Maka, adalah menjadi kewajipan Tun Sambanthan untuk menjaga kepentingan golongan ini. Beliau juga pernah

---

<sup>83</sup> Straits Times, 31 December 1962.

<sup>84</sup> New Straits Times Pamphlet, *Speech by the President of the Malaya Indian Congress, Dato V.T. Sambanthan, at the 15<sup>th</sup> Annual Session*, hlm. 3.

<sup>85</sup> Vimaladevi Sellapah, "MIC: Satu Kajian dari Segi Pencapaian Politik Ekonomi dari Sosial Antara Tahun 1970-1987", Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, hlm. 60 (belum diterbitkan).

putus asa dalam usaha meneruskan pengurusan NLFCS kerana tuduhan-tuduhan daripada pihak NUPW. Tun Sambanthan pernah berkata:

*"If both Enche Nathan and Enche Narayanan feel that my name, with its political association is spoiling the reputation of the NLFCS, and they must therefore show antagonism towards it, I am prepared to withdraw from the scene."*<sup>86</sup>

Patronej politik yang membantu koperasi NLFCS untuk mencapai matlamatnya. Hakikat ini boleh dibuktikan lagi apabila koperasi milik NUPW mencapai jalan buntu.

*"... NUPW set up the Great Alioners Trading Corporation (GATCO), as a limited company and the National Multipurpose Co-operative Society, to purchase estates which came up for sale."*<sup>87</sup>

Selepas peristiwa ini, NUPW mengurangkan tuduhan terhadap NLFCS dan presidennya. Namun, NUPW enggan kerjasama dengan NLFCS. Tun Sambanthan menumpukan perhatian dalam kemajuan koperasi sehingga ia dipilih sebagai koperasi terbesar di Asia Tenggara pada tahun 1962 dengan jumlah ahli 26,000 orang dan hartanya bernilai \$6,000,000.<sup>88</sup> Memang tidak dapat dinafikan patronej politik telah membantu perkembangan NLFCS. Ciri ini telah membawa banyak kritikan terhadap dirinya. Pemasalahan yang dihadapi menyebabkan beliau hampir berhasrat untuk meninggalkan koperasi. Segalanya ditahan dengan hati yang tabah kerana,

<sup>86</sup> **New Straits Times Pamphlet**, Surat Tun Sambanthan kepada Editor **Malay Mail** 5 December 1962 (surat daripada Tun Sambanthan bertajuk "Why should a trade Union pick up a quarrel with a co-operative society?").

<sup>87</sup> J. Victor Morais, S.B. St. J., **P.P. Narayanan - The Asian Trade Union Leader**, NUPW Sports and Social Club, Petaling Jaya, 1975, hlm. 108.

<sup>88</sup> **Malayan Times**, 8 December 1962.

*"I decided that something had to be done through a co-operative movement so that the ordinary man may gain strength to better his position."*<sup>89</sup>

Tun Sambanthan sendiri pernah menyatakan 'koperasi adalah salah satu cara penyelesaian bagi masalah fragmentasi'.<sup>90</sup> Cara penyelesaian yang terbaik ialah melalui penguatkuasaan undang-undang. Akta Fragmentasi 1968<sup>91</sup> dapat membantu NLFCS untuk mencapai tujuan asal penubuhannya. Selepas tahun 1970, NLFCS kurang membeli ladang dan mula memberi perhatian kepada projek-projek komersial seperti projek perumahan. Hasrat untuk memajukan masyarakat estet tanpa bantuan kerajaan telah menjadi kritikan apabila NLFCS dikatakan mendapat naungan politik. Bukan sahaja NLFCS, malahan institusi-institusi yang mewakili orang India seperti NUPW, MIC, kuil dan sebagainya juga tidak dapat mengatasi masalah kemiskinan buruh India estet.<sup>92</sup> Sebab itu, Tun Sambanthan telah mendorong orang India yang kebanyakannya tertumpu di estet agar berupaya bertindak sendiri untuk mempertingkatkan taraf hidupnya. Ini adalah kerana kerajaan ketika itu dalam proses menyusun jentera pentadbiran sendiri dan semua ahli kabinet sibuk merancang pembangunan infrastuktur negara.

---

<sup>89</sup> Ibid.

<sup>90</sup> Malayan Times, 8 December 1962.

<sup>91</sup> Tamil Nesan, 15 Ogos 1963. Pada tahun 1963, kerajaan mula memandang serius terhadap masalah fragmentasi. Ini adalah ekoran daripada laporan Ungku Aziz tentang Fragmentasi. Atas desakan beberapa pihak juga akhirnya kerajaan mula memikirkan tentang penguatkuasaan undang-undang.

<sup>92</sup> Ihsan and authors, *Sucked Oranges The Indian Poor in Malaysia*, Kuala Lumpur, 1989,hlm. 34. [Pada tahun 1967 Tun Sambanthan diberi gelaran "Bapa Koperasi". Pada 2 Ogos 1976 (NLFCS, Koottoravu, Jun/Julai 1976) ibu pejabat NLFCS mula beroperasi di Lorong Segambut, Pusat Satu dan pada tahun 1978 berpindah ke bangunan lima tingkat *Shell House* yang dibeli oleh Tun Sambanthan dengan harga \$31 juta di Jalan Sulaiman, Kuala Lumpur (NLFCS, Koottoravu, Julai 1978)].